

28 FEB 1999

Hamid-Pekerja

MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGAMBIL PEKERJA ASING, KATA SYED HAMID

Oleh: Mikhail Raj

DHAKA, 28 Feb (Bernama) -- Masalah kewangan semasa Malaysia akibat krisis ekonomi serantau menyukarkannya meneruskan pengambilan pekerja asing, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, hari ini.

Menurutnya pekerja yang permit pekerjaan mereka tamat akan dihantar pulang ke negara asal memandangkan jumlah pendapatan besar yang dihantar balik oleh lebih daripada 150,000 pekerja Bangladesh menjadi beban kepada ekonomi.

Ini, ditambah dengan aktiviti ekonomi yang lembab serta penghantaran balik pendapatan oleh sebilangan besar pekerja Indonesia menjadi beban kepada Malaysia, katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan rakan sejawatnya dari Bangladesh, Abdus Samad Azad.

Pada mesyuarat sampingan selepas mesyuarat persediaan Menteri-menteri Luar kumpulan lapan negara Islam membangun (D-8) itu, Abdus Samad meminta Malaysia mengambil lebih ramai pekerja Bangladesh.

Syed Hamid juga menafikan laporan media bahawa Malaysia tidak melayani pekerja Bangladesh dengan baik.

Laporan seumpama itu yang berpunca daripada kes terpencil yang disensasikan oleh media sedangkan sebaliknya Persuruhjaya Tinggi Bangladesh di Malaysia sendiri telah mengakui pekerja negaranya dilayani dengan baik, katanya.

Menurutnya Malaysia sudah banyak berjasa kepada pekerja Bangladesh.

Sebagai contoh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membenarkan pekerja tanpa izin Bangladesh disahkan supaya mereka tidak dieksploitasikan oleh agen yang tidak bertanggungjawab, katanya.

-- BERNAMA

MR LAT